# PRODUKTIVITI BURUH, SUKU PERTAMA 2025

## PRODUKTIVITI BURUH NILAI DITAMBAH PER JAM BEKERJA

**Produktiviti buruh per jam bekerja** pada ST1 2025 meningkat **1.0%** dengan nilai ditambah per jam bekerja sebanyak **RM42.5** setiap jam.

JUMLAH JAM BEKERJA (JUTA JAM)

**ST1 2025: 9,764 | 3.3%**

ST4 2024: 9,747 | 3.5%




## PRODUKTIVITI BURUH NILAI DITAMBAH PER PEKERJA

**Produktiviti buruh per pekerja** meningkat **1.3%** pada **ST1 2025** untuk merekodkan nilai ditambah per pekerja sebanyak **RM24,580** seorang.

JUMLAH PEKERJA ('000 ORANG)

**ST1 2025: 16,893 | 3.0%**

ST4 2024: 16,793 | 2.7%




## PRODUKTIVITI BURUH MENGIKUT SEKTOR

Produktiviti Buruh per Jam Bekerja

Produktiviti Buruh per Pekerja

**ST1 2025**
ST4 2024

**PERTANIAN**
- RM23.3 | 0.1% (RM25.1 | -1.9%)
- RM12,603 | 0.3% (RM13,686 | -1.9%)

**PERLOMBONGAN & PENGKUARIAN**
- RM551.1 | -0.9% (RM550.9 | -2.4%)
- RM332,946 | -3.2% (RM341,522 | -1.1%)

**PEMBUATAN**
- RM56.4 | 2.8% (RM58.2 | 2.2%)
- RM33,299 | 2.2% (RM34,712 | 2.8%)

**PEMBINAAN**
- RM20.9 | 11.3% (RM20.5 | 18.7%)
- RM12,519 | 13.2% (RM12,275 | 19.7%)

**PERKHIDMATAN**
- RM40.3 | 0.5% (RM41.9 | 0.9%)
- RM23,291 | 0.8% (RM24,298 | 1.8%)

% Merujuk kepada perubahan peratusan dari suku tahun yang sama tahun sebelumnya

## SUBSEKTOR KEUTAMAAN BAHARU

**FARMASEUTIKAL** (2024)
- RM39.3
- RM96,928

**AUTOMOTIF** (2024)
- RM108.5
- RM273,665

**AEROANGKASA** (2024)
- RM25.5
- RM62,350

SUMBER: PRODUKTIVITI BURUH, SUKU PERTAMA 2025, JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA (DOSM)

## Produktiviti Buruh Malaysia Suku Tahunan
## Perubahan Peratusan Tahunan, ST1 2021 – ST1 2025



# Produktiviti buruh per jam bekerja bertumbuh 1.0 peratus pada suku tahun pertama 2025, mencatatkan RM42.5 setiap jam

## Produktiviti Buruh Malaysia

- **Produktiviti buruh per jam pekerja bertumbuh 1.0 peratus** (ST4 2024: 1.4%), dengan jumlah jam bekerja meningkat 3.3 peratus (ST4 2024: 3.5%) bagi mencatatkan 9.8 bilion jam (ST4 2024: 9.7 bilion jam) pada suku tahun pertama 2025. Ekonomi Malaysia berkembang 4.4 peratus pada suku tahun pertama 2025 berbanding 4.9 peratus pada suku tahun sebelumnya.
- Pada ST1 2025**, produktiviti buruh per pekerja meningkat 1.3 peratus** (ST4 2024: 2.1%), dengan jumlah pekerja meningkat 3.0 peratus bagi mencatatkan 16.9 juta orang (ST4 2024: 2.7%; 16.8 juta orang).
- Pada suku tahun pertama 2025, produktiviti buruh merekodkan **nilai ditambah per jam bekerja sebanyak RM42.5 sejam** (ST4 2024: RM44.2 sejam) dan **nilai ditambah per pekerja sebanyak RM24,580 seorang** (ST4 2024: RM25,635 seorang).

## Produktiviti Buruh Malaysia mengikut lima (5) aktiviti ekonomi

- **Prestasi sektoral** bagi produktiviti buruh yang diukur sebagai **nilai ditambah per jam bekerja** pada suku ini didorong oleh pertumbuhan dalam **sektor Pembinaan** pada 11.3 peratus (ST4 2024: 18.7%), diikuti oleh **sektor Pembuatan** pada 2.8 peratus (ST4 2024: 2.2%), **sektor Perkhidmatan** pada 0.5 peratus (ST4 2024: 0.9%) dan **sektor Pertanian** pada 0.1 peratus (ST4 2024: -1.9%), manakala **sektor Perlombongan dan pengkuarian** merosot pada negatif 0.9 peratus (ST4 2024: -2.4%).
- Dari segi **prestasi sektoral** bagi produktiviti buruh yang diukur sebagai **nilai ditambah per pekerja, sektor Pembinaan** memacu prestasi keseluruhan dengan mencatatkan peningkatan memberansangkan sebanyak 13.2 peratus (ST4 2024: 19.7%) pada suku ini, diikuti oleh **sektor Pembuatan** pada 2.2 peratus (ST4 2024: 2.8%); **sektor Perkhidmatan** pada 0.8 peratus (ST4 2024: 1.8%) dan **sektor Pertanian** pada 0.3 peratus (ST4 2024: -1.9%), manakala **sektor Perlombongan dan pengkuarian** merosot pada negatif 3.2 peratus (ST4 2024: -1.1%).